

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN  
[ PUNCAK BORNEO ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perkembangan pembinaan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini di Parlimen Puncak Borneo.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan tahun semasa yang diluluskan bagi Parlimen Puncak Borneo tahun 2019 adalah sebanyak RM948 ribu bagi 6 unit bina baharu dan 36 unit baik pulih. Sebanyak 15 unit rumah telah selesai dibaik pulih manakala bakinya sedang dalam peringkat pelaksanaan dengan jangkaan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2019.